

NOTIS *REQUEST FOR PROPOSAL*


PDC Telecommunication Services Sdn Bhd (PDC Telco) adalah anak syarikat Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). PDCTelco adalah salah satu syarikat yang menyediakan perkhidmatan infrastruktur telekomunikasi kepada penyedia perkhidmatan telekomunikasi di Pulau Pinang. PDCTelco ingin menjemput pembida yang berkelayakan untuk mengemukakan *Request For Proposal (RFP)* seperti berikut:

REQUEST FOR PROPOSAL UNTUK WIFI PERCUMA 2.0 PROJEK DI PULAU PINANG (*PENANG FREE WIFI*)

RFP ini terbuka kepada syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat termasuk syarikat asing yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat Syarikat asing yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Pembida mesti mempunyai pengalaman dalam bidang pembinaan, penyelenggaraan, dan pengurusan rangkaian wifi dan mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan perkara lain yang berkaitan dengan pembinaan dan penyelenggaraan kemudahan wifi yang disediakan.

Salinan dokumen RFP boleh diperolehi di pejabat PDC Telco dengan bayaran sebanyak RM500.00 bagi setiap dokumen RFP yang perlu dibayar sama ada dalam bentuk *banker's cheque* (dibayar dengan nama PDC Telecommunication Services Sdn Bhd) atau melalui *electronic fund transfer* ke dalam akaun PDC Telco

Tarikh Penjualan Dokumen RFP pada **05 Ogos 2019**, dan boleh didapati di: -

Tempat :  **PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.**
1-12A-12A, SUNTECH@Penang Cybercity,
Lintang Mayang Pasir 3, Bandar Bayan Baru
11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Telephone No.: 04-640 6644 Faks No.: 04-640 6640

Tarikh / Waktu : Isnin - Jumaat (9.00 pagi - 5.00 petang)
Waktu Rehat (Isnin – Khamis: 1.00 tengah hari -2.00 petang) & (Jumaat: 12.15 tengah hari - 2.45 petang)

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dihantar dalam sampul surat yang dimeterai, dengan sudut kanan atas bertulis seperti berikut: -

REQUEST FOR PROPOSAL UNTUK WIFI PERCUMA 2.0 PROJEK DI PULAU PINANG (*PENANG FREE WIFI*)

Dokumen ini hendaklah dikemukakan di alamat yang disebut di atas dan dimasukkan ke dalam Peti Tender pada atau sebelum 13 September 2019, 12.00 tengah hari.

"Mana-mana tawaran rasuah atau insentif lain yang boleh mempengaruhi kedudukan RFP akan menyebabkan RFP tersebut ditolak serta-merta". Pembida yang berminat perlu mengisi dan mengembalikan 'Surat Akuan Penender' seperti di dalam Dokumen RFP.